34

PINDAAN SYARAT KELAYAKAN UJIAN BAHASA INGGERIS UNTUK STAF AKADEMIK UNIVERSITI UTARA MALAYSIA YANG MEMOHON CUTI BELAJAR UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN PhD
Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 24 Mac 2011 15:10
Kepada: UUM - All Staff

24 MAC 2011
19 RABIUL AKHIR 1432H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

HEBAHAN PENDAFTAR, 24 MAC 2011:
PINDAAN SYARAT KELAYAKAN UJIAN BAHASA INGGERIS UNTUK STAF AKADEMIK UNIVERSITI UTARA MALAYSIA YANG MEMOHON CUTI BELAJAR UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN PhD

Tuan/Puan,

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Ke-168 (Bil. 2/2011) yang diadakan pada 23 Januari 2011 telah bersetuju supaya cadangan pindaan syarat ujian Bahasa Inggeris untuk staf akademik Universiti Utara Malaysia yang memohon cuti belajar untuk melanjutkan pengajian PhD.

Ketetapan syarat kelayakan yang baru ujian Bahasa Inggeris (IELTS) yang dipinda adalah seperti berikut:

1. **Sekurang-kurangnya lulus *band* 6.5 (IELTS) atau mengikut syarat kemasukan yang ditetapkan oleh universiti pengajian (yang mana lebih tinggi) bagi pengajian di universiti luar negara;**
2. **Sekurang-kurangnya lulus *band* 6.0 (IELTS) atau mengikut syarat kemasukan yang ditetapkan oleh universiti pengajian (yang mana lebih tinggi) bagi pengajian di universiti dalam negara.**

Bagi staf akademik yang mengikuti pengajian dan menulis tesis dalam Bahasa Melayu atau lain-lain bahasa ketiga selain Bahasa Inggeris dikecualikan daripada peraturan ini tetapi masih perlu memenuhi syarat dengan mendapat *band* 5.5 (IELTS).

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi di talian **04-9283028 (En. Mohd Anizam Ariffin).**

Sekian, terima kasih.

JABATAN PENDAFTAR
Universiti Utara Malaysia
Tel : 04-9283021/3043
Fax : 04-9283046
e-mail : *pendaftar@uum.edu.my*